

# Rangkaian 5G hubungkan semua rakyat Malaysia

**Putrajaya:** Rangkaian 5G di negara ini akan menjadi pemacu utama menghubungkan semua rakyat Malaysia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, impak teknologi canggih itu dalam melonjak kemajuan negara adalah nyata dan Malaysia tidak mahu ketinggalan, terutama dalam era Revolusi Industri 4.0.

“Tiada keraguan 5G akan menjadi pemacu utama menghubungkan semua rakyat di Malaysia, juga mengubah industri utama seperti pembuatan, pertanian dan penjagaan kesihatan supaya kita dapat terus berdaya saing di peringkat global,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian penyediaan perkhidmatan 5G di negara ini di antara Maxis Bhd dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd di sini, semalam.

Perjanjian ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Maxis, Gokhan Ogut dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, Michael Yuan itu bagi meningkatkan ketersediaan Maxis untuk melancarkan perkhidmatan 5G sebaik saja spektrum yang diperlukan diagih.

Dr Mahathir berkata, kerjasama di antara pemain global dan vendor tempatan adalah penting untuk membina ekosistem teknologi yang berkembang maju di Malaysia.

“Saya gembira Maxis dan Huawei memanfaatkan persekitaran ini dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital Malaysia,” katanya.